

18. Sambutan Hari Kanak-kanak

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

dewan

lakonan

pentas

sketsa

berwarna-warni

gembira

Hari ini, kami menyambut Hari Kanak-kanak. Murid-murid sekolah semua berasa ghairah. Kami berkumpul di **dewan** sekolah untuk menonton konsert Hari Kanak-kanak. Ramai guru yang membuat persembahan di atas **pentas**. Pakaian mereka sungguh cantik dan **berwarna-warni**.

Saya dan rakan-rakan sungguh geli hati dengan **lakonan** guru-guru kami. Mereka berlakon sebagai murid-murid di dalam sebuah **sketsa**. Rakan sedarjah kami, Aminah, pula berlakon sebagai guru.

Setelah konsert tersebut tamat, semua murid diberi sebuah mainan sebagai buah tangan. Kami sungguh **gembira**.